Aku pernah bersama Nabi ﷺ, lalu beliau pergi ke tempat pembuangan sampah suatu kaum lalu beliau kencing berdiri

Ḥużaifah -raḍiyallāhu 'anhu- meriwayatkan, Aku pernah bersama Nabi ﷺ, lalu beliau pergi ke tempat pembuangan sampah suatu kaum lalu beliau kencing berdiri, sehingga aku pun menjauh. Beliau bersabda, "Mendekatlah." Aku pun mendekat sampai berdiri di sisi kedua tumit beliau, lalu beliau berwudu dan mengusap kedua khuff beliau.

[Sahih] [Muttafaq 'alaih]

Ḥużaifah -raḍiyallāhu 'anhu- menuturkan bahwa ia pernah bersama Nabi ﷺ. Lalu beliau ingin kencing, sehingga masuk ke subāṭah suatu kaum. Subāṭah adalah tempat pembuangan sampah dan tanah yang disapu dari rumah. Kemudian beliau kencing berdiri. Tetapi, kebiasaan beliau yang paling umum ialah kencing duduk. Ḥużaifah lalu menjauh dari beliau. Tetapi beliau ﷺ berkata: mendekatlah. Lantas Ḥużaifah mendekat hingga berdiri di belakang tumit beliau sebagai sutrah (penghalang) yang menutupi beliau dari pandangan orang lain pada kondisi tersebut. Setelah itu, beliau berwudu. Ketika membasuh kedua kaki, beliau hanya mengusap kedua khuff dan tidak melepasnya. Khuff adalah kasut atau sepatu yang terbuat dari kulit tipis dan semisalnya yang menutupi kedua mata kaki.

النجاة الخيرية
ALNAJAT CHARITY
لجنة الدعوة الإلكترونية
EDC E-Da'wah Committee